A

GANESAN AHVALI lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
ASMADI HUSSIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: AB-42S-6-07-2018 & AB-42S-7-07-2018]
8 MAC 2019

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 326 – Mendatangkan cedera parah atas mangsa – Tertuduh didakwa menetak mangsa dengan sebilah parang – Rantaian keterangan ekshibit-ekshibit – Sama ada terputus – Sama ada berlaku kesenjangan dalam rantaian jagaan barang kes – Isu integriti sampel DNA – Sama ada terpesong dan tidak disokong keterangan – Sama ada terdapat keraguan munasabah atas kes pendakwaan – Sama ada kes prima facie terbukti – Sama ada sabitan selamat*

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 326 – Mendatangkan cedera parah atas mangsa – Pengemukaan percakapan abang tertuduh melalui eks. P90 menyatakan tertuduh membuat pengakuan menetak mangsa – Sama ada hakim bicara gagal mempertimbangkan abang tertuduh juga ditangkap bersama dan adalah suspek – Sama ada kandungan eks. P90 harus dipertimbangkan dengan berhati-hati – Kegagalan menimbangkan soal motif abang tertuduh meletakkan kesalahan kepada tertuduh – Sama ada eks. P90 boleh diberi keberatan – Kegagalan hakim bicara memberikan peluang kepada tertuduh untuk berhujah sebelum memutuskan penerimaan masuk eks. P90 – Sama ada memprejudiskan dan menafikan hak tertuduh untuk mendapatkan perbicaraan adil – Kanun Tatacara Jenayah, s. 112 – Akta Keterangan 1950, s. 32(1)(i)*

D

E

KETERANGAN: *Saksi – Percakapan mangsa – Tertuduh didakwa mendatangkan cedera parah atas mangsa dengan menetak mangsa menggunakan sebilah parang – Keterangan saksi bahawa mangsa memberitahunya 'dua orang potong saya' – Sama ada terjumlah kepada percakapan di ambang kematian bawah s. 32(1)(a) Akta Keterangan – Sama ada kata-kata mangsa menunjukkan terdapat dua orang yang menyerangnya – Sama ada timbul keraguan tertuduh adalah pelaku yang mendatangkan kecederaan atas mangsa – Sama ada terdapat keterangan mengaitkan tertuduh berada di tempat kejadian semasa mangsa diserang – Akta Keterangan 1950, s. 32(1)(a) – Kanun Keseksaan, s. 326*

F

G

KETERANGAN: *Keterangan ikut keadaan – Tertuduh didakwa mendatangkan cedera parah atas mangsa dengan menetak mangsa menggunakan sebilah parang – Sama ada keterangan selari dengan kebersalahan tertuduh – Sama ada terdapat keraguan kes pendakwaan – Sama ada terdapat lompang dalam kes pendakwaan – Sama ada keterangan saksi-saksi membenarkan lebih satu inferens – Kes prima facie – Sama ada terbukti – Sama ada sabitan selamat – Kanun Keseksaan, s. 326*

H

I

Tertuduh menghadapi satu pertuduhan melakukan kesalahan mendatangkan cedera parah atas mangsa bawah s. 326 Kanun Keseksaan. Sekitar jam 8.15 pagi pada 5 Mei 2017, SP2 terdengar satu jeritan dan melihat seorang lelaki sedang terbaring di atas jalan dan seorang lelaki yang memegang parang di tangannya berlari ke arah sebuah kereta Iswara berwarna putih dan beredar dengan pantas. Menurut SP2, dia tidak dapat melihat wajah, mahupun warna pakaian lelaki yang memegang parang itu. SP1 yang kebetulan tiba di tempat kejadian melihat mangsa terbaring di atas jalan berlumuran darah dan menelefon pihak polis. SP3 yang menolong mengangkat motosikal yang menimpa kaki mangsa terdengar mangsa berkata 'dua orang telah potong saya.' SP9, Pegawai Risikan dan Operasi Ibu Pejabat Polis Daerah, mendapat maklumat bahawa keluarga mangsa pernah berselisih faham dengan tertuduh. Seterusnya, didapati bahawa kereta Iswara berwarna putih yang dinaiki lelaki yang melarikan diri sambil memegang parang adalah sama deskripsi dengan kereta Iswara yang dimiliki ayah tiri tertuduh, SP4. Sementara itu, pada 11.10 pagi, SP12, Pegawai Turus Forensik bersama pasukannya telah mengumpul barang kes dan mengambil *swabbing* bagi tujuan pemeriksaan forensik, antaranya, kesan darah pada badan mangsa. Barang-barang kes lain yang berada berdekatan mangsa juga dikumpul sebelum dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat yang kemudiannya diserahkan kepada SP15. SP9, yang menjejak tertuduh, terserempak dengan kereta Iswara putih yang diparkir di tepi satu padang permainan. Berhampiran kereta itu kelihatan tertuduh bersama abangnya ('Periyasamy') sedang duduk di atas kerusi simen. Tertuduh dan Periyasamy telah ditangkap dan hasil pemeriksaan atas kereta Iswara tersebut, SP9 menemukan sebilah parang di bawah tempat duduk penumpang hadapan kereta itu. Beberapa kesan yang disyaki kesan darah juga ditemui. Hasil soal siasat yang dijalankan atas tertuduh membawa SP9 ke sebuah rumah yang dimiliki ibu saudara tertuduh di mana beberapa barang kes-barang kes dirampas, yang telah diserahkan untuk pengesanan DNA. Mangsa yang meninggal dunia di tempat kejadian dibawa ke hospital di mana Pakar Perunding Forensik, SP10, telah menjalankan bedah siasat atas mayat mangsa dan didapati punca kematian mangsa ialah pendarahan berlebihan akibat luka-luka tetakan. Hasil analisis atas barang kes-barang kes yang dirampas juga didapati mempunyai kesan darah mengandungi DNA mangsa. Semasa perbicaraan, pihak pendakwaan berjaya mengemukakan percakapan Periyasamy ('eks. P90') yang dibuat bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') berdasarkan peruntukan s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950, di mana Periyasamy menyatakan bahawa tertuduh telah membuat pengakuan kepadanya bahawa dia telah menetak mangsa di tempat kejadian sebelum datang ke rumah Periyasamy. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie*. Tertuduh, dalam pembelaannya, menafikan dia telah mencederakan mangsa di tempat kejadian. Menurut tertuduh,

Periyasamy telah memberitahu tertuduh bahawa dia telah terserempak dengan mangsa dan berlaku pergaduhan antara mereka berdua dan semasa berada di taman permainan, Periyasamy telah menerima panggilan telefon daripada rakannya yang memaklumkan mangsa telah meninggal dunia. Tertuduh mendakwa Periyasamy telah menyuruhnya menyerah diri dan mengaku telah mencederakan mangsa. Ketika itu, pihak polis telah menangkap mereka. Di akhir kes, hakim bicara memutuskan bahawa tertuduh telah gagal menimbulkan sebarang keraguan kepada kes pendakwaan dan pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Tertuduh didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan. Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara selama 12 tahun dan sepuluh kali sebatan. Tertuduh merayu terhadap sabitan dan hukuman, manakala Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati terhadap hukuman yang dijatuhkan, merayu terhadap keputusan tersebut. Isu-isu yang timbul adalah sama ada hakim bicara terkhilaf (i) apabila gagal memutuskan bahawa rantaian keterangan berkenaan ekshibit telah terputus; dan (ii) apabila gagal untuk menilai keterangan secara keseluruhannya, terutamanya berkenaan keterangan ikut keadaan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

Diputuskan (membenarkan rayuan tertuduh; menolak rayuan Pendakwa Raya):

(1) Borang penyerahan spesimen si mati eks. P23 menunjukkan spesimen diserahkan kepada SP15 oleh satu Mohd Shafie Arshad ('Shafie'). Bagaimana Shafie menerima barang kes tidak diketahui memandangkan penama itu tidak dipanggil sebagai saksi. SP10 di dalam keterangannya tidak mengatakan bahawa dia menyerahkan barang kes yang diambil kepada Shafie. SP10 hanya menyatakan barang kes diserahkan kepada pegawai penyiasat. Apa yang terjadi kepada spesimen klinikal dan barang peribadi mangsa yang diambil oleh SP10 semasa berada dalam jagaan Shafie tidak diketahui. Oleh itu, telah berlaku kesenjangan dalam rantaian penjagaan barang kes. (perenggan 42)

(2) SP13 yang menjalankan analisis DNA telah membandingkan kesan darah yang diperolehi daripada barang kes yang dirampas di tempat kejadian dan di dalam kereta Iswara dengan sampel DNA daripada barang kes yang diambil oleh SP10 daripada mangsa. Di dalam keadaan rantaian keterangan barang kes yang diambil oleh SP10 telah terputus, maka dapatan hakim bicara mengaitkan kesan DNA yang dijumpai di tempat kejadian dan kereta Iswara berpunca daripada sumber yang sama adalah terpesong dan tidak disokong oleh keterangan. Hakim bicara telah gagal memberi pertimbangan kepada isu integriti sampel DNA yang diambil oleh SP10 telah terputus rantaian keterangan. Kegagalan tersebut terjumlah kepada satu salah arah secara tiada arah diri yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini. (perenggan 43)

(3) Hakim bicara gagal memberi pertimbangan kepada fakta bahawa Periyasamy juga ditangkap bersama-sama tertuduh dan adalah suspek. Adalah selamat untuk membuat inferens bahawa dia akan cuba melepaskan dirinya dengan meletakkan kesalahan atas tertuduh. Keterangan SP5 menunjukkan Periyasamy juga bermusuhan dengan SP5 berpunca daripada soal wang. SP5 pernah dipukul oleh tertuduh dan Periyasamy. Oleh itu, hakim bicara sepatutnya menimbang kandungan eks. P90 dengan berhati-hati sebelum memberi keberatan pada percakapan tersebut. Hakim bicara langsung tidak menimbang soal motif yang ada pada Periyasamy untuk melepaskan diri dengan meletakkan kesalahan pada tertuduh. Berdasarkan latar belakang permusuhan antara Periyasamy dan SP5, eks. P90 tidak boleh diberi keberatan. Seperkara lagi, hakim bicara telah menerima masuk eks. P90 tanpa mendengar penghujahan, meskipun dibantah oleh peguam bela. (perenggan 45)

(4) Hak untuk berhujah adalah hak asasi yang diberikan oleh per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan sebelum satu-satu tribunal perbicaraan membuat apa-apa keputusan. Hak untuk berhujah ini adalah bagi menjamin seseorang tertuduh mendapat perbicaraan yang adil meskipun s. 32(1) KTJ tidak memperuntukkan prosedur penerimaan keterangan di bawah seksyen tersebut. Adalah menjadi amalan mahkamah apabila timbul bantahan tentang penerimaan masuk keterangan atau dokumen di bawah peruntukan tertentu Akta Keterangan 1950, mahkamah akan mendengar hujahan terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa *ruling*. Kegagalan hakim bicara untuk memberikan peluang kepada peguam bela tertuduh untuk berhujah sebelum membuat *ruling* tentang penerimaan masuk eks. P90 telah memprejudiskan tertuduh dan menafikan hak tertuduh untuk mendapat satu perbicaraan yang adil. (perenggan 50 & 51)

(5) Hakim bicara telah menolak keterangan SP3 yang mendengar mangsa memberitahunya 'dua orang potong saya' sebelum terbujur kaku atas alasan kata-kata mangsa itu tidak terjumlah sebagai percakapan di ambang kematian di bawah s. 32(1)(a) Akta Keterangan 1950. Sekalipun kata-kata itu tidak terjumlah sebagai percakapan di ambang kematian yang boleh membawa kepada pengenalan identiti pelaku, hakim bicara sepatutnya menerima kata-kata mangsa itu yang menunjukkan bahawa terdapat dua orang yang telah menyerang dan mendatangkan kecederaan ke atas mangsa kerana percakapan itu mempunyai kesan atas pertuduhan yang dirangka ke atas tertuduh. Pertuduhan dalam kes ini menyatakan kecederaan parah itu dilakukan oleh seorang sahaja, iaitu tertuduh. Ini bermakna tertuduh dikatakan bertindak seorang diri, sedangkan fakta-fakta mangsa yang didengari oleh SP3 menunjukkan dua orang yang terlibat. Teori kes pendakwaan ini bertentangan dengan keterangan SP3

yang mendengar mangsa memberitahu bahawa dua orang terlibat. Dalam keadaan tersebut, timbul keraguan sama ada tertuduh adalah pelaku yang telah mendatangkan kecederaan atas mangsa. Hakim bicara juga gagal mengambil kira bahawa DNA tertuduh tidak dijumpai di tempat kejadian atau pada mangsa. Pakaian dan barang kes lain yang dirampas hasil pandu arah tertuduh juga tidak mempunyai kesan DNA mangsa. Tiada keterangan yang boleh mengaitkan tertuduh berada di tempat kejadian semasa mangsa diserang dan dicederakan. Malah parang yang ditemui di dalam kereta Iswara juga tidak mempunyai DNA mangsa. (perenggan 52 & 54)

(6) Keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak selari dengan kebersalahan tertuduh apabila ditimbang dan dinilai secara keseluruhan. Terdapat keraguan dalam kes pendakwaan. Pihak pendakwaan tidak berjaya membuktikan kes *prima facie*. Kes *prima facie* tidak boleh dikatakan sebagai telah berjaya dibuktikan sekiranya terdapat dua keadaan iaitu apabila terdapat lompang dalam kes pihak pendakwaan, ataupun juga terdapat keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu inferens selain daripada inferens yang menjurus kepada kebersalahan tertuduh. Hakim bicara sepatutnya melepas dan membebaskan tertuduh di akhir kes pendakwaan tanpa dipanggil membela diri. Dengan itu, sabitan salah yang dibuat ke atas tertuduh adalah tidak selamat. Amat wajar untuk mahkamah campur tangan dan mengakas keputusan hakim bicara. Dalam keadaan mahkamah telah membenarkan rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukuman, maka rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman sudah menjadi akademik. Lantaran itu, rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman ditolak. (perenggan 56, 57, 63 & 64)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***
Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Charles Obasi lwn. PP [2018] 4 CLJ 32 CA ***(dirujuk)***
Dato' Sri Dr Mohamad Salleh Ismail & Anor v. Nurul Izzah Anwar & Anor [2018] 9 CLJ 285 CA ***(dibezakan)***
Diana Nelson Tanoja v. PP [2010] 3 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Herchun Singh & Ors. v. PP [1969] 1 LNS 52 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Msimanga Lesaly v. PP [2005] 1 CLJ 398 CA ***(dibezakan)***
PP v. Ahmad Rizal Umar [2017] 1 LNS 1069 CA ***(dirujuk)***
PP v. Kasmin Soeb [1974] 1 LNS 116 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Jamil Yahya & Anor [1993] 1 LNS 95 HC ***(dirujuk)***
PP v. Muhammad Nasriq Abdullah [2015] 1 LNS 393 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 112, 162, 181(1)
Evidence Act 1950, ss. 24, 25, 26, 27, 32(1)(a), (i), 154, 155
Penal Code, ss. 320, 326

(Rayuan Jenayah No: AB-42S-6-07-2018)
Bagi pihak perayu - GK Sritharan; T/n GK Sritharan & Co
Bagi pihak responden - Mohd Azrul Faidz Abdul Razak; TPR

(Rayuan Jenayah No: AB-42S-7-07-2018)
Bagi pihak perayu - Mohd Azrul Faidz Abdul Razak; TPR
Bagi pihak responden - GK Sritharan; T/n GK Sritharan & Co

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Sesyen, sila lihat PP lwn. Ganesan Ahvali [2018] 5 LNS 59 (menolak).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Asmadi Hussin PK:

Pendahuluan

[1] Kedua-dua rayuan ini yang didengar bersama ini adalah berasal daripada keputusan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar (hakim bicara) bertarikh 13 Julai 2018 di dalam kes Perbicaraan Jenayah No. AG-62-1-05-2017 *Pendakwa Raya lwn. Ganesan a/l Ahvali* (tertuduh). Tertuduh menghadapi satu pertuduhan melakukan kesalahan mendatangkan cedera parah di bawah s. 326 Kanun Keseksaan (KK). Pada 13 Julai 2018, di akhir kes, hakim bicara memutuskan tertuduh bersalah dan disabitkan kesalahan. Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara selama 12 tahun bermula tarikh sabitan dan sepuluh kali sebatan. Hakim bicara selanjutnya memerintahkan tertuduh membayar kos pendakwaan sebanyak RM1,500, jika gagal bayar dipenjara selama dua bulan. Rayuan Jenayah No. AB42S-6-07-2018 dikemukakan oleh tertuduh terhadap sabitan dan hukuman, manakala Rayuan Jenayah No. AB-42S-7-07-2018 merupakan rayuan yang difailkan oleh Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati terhadap hukuman. Di dalam alasan penghakiman ini, pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana kedudukan mereka di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar.

[2] Setelah membaca dan menghalusi rekod rayuan (RR) dan penghujahan bertulis serta lisan yang dibuat bagi kedua-dua rayuan, mahkamah ini telah membenarkan rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukuman. Lantaran itu, rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman menjadi akademik.

[3] Berikut diperturunkan alasan-alasan kepada keputusan mahkamah ini.

[4] Bagi tujuan kemudahan rujukan, mahkamah ini akan merujuk kepada rekod rayuan (RR) Rayuan Jenayah No. AB-42S-6-07-2018.

A **Pertuduhan**

[5] Pertuduhan yang dirangka terhadap tertuduh dibaca seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 5/5/2017 jam lebih kurang 8.10 pagi di hadapan gerai kopi No, 7, Taman Kota Tampan, Lenggong, dalam Daerah Hulu Perak, di dalam Negeri Perak, kamu didapati dengan sengaja mendatangkan cedera parah dengan menggunakan parang kepada Lathmana a/l Kantan KPT: 500921-08-5717. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum dibawah peruntukan yang sama.

B

C **Kes Pendakwaan**

[6] Semasa kes pendakwaan, seramai 15 orang saksi telah dipanggil memberi keterangan. Saksi-saksi tersebut adalah seperti berikut:

(a) Lam Ah Wan (SP1);

D (b) Tang Kaw Chye @ Teng Lum (SP2);

(c) Karthik a/l Kandasamy (SP4);

(d) Mariapan a/l Avali (SP4);

(e) Kanthan a/l Lathmana (SP5);

E (f) Narayanasamy a/l Govindasamy (SP6);

(g) Sjn Tellai a/l Subramaniam (SP7);

(h) Kpl Razali bin Hj Abdullah (SP8);

(i) Insp Ridzuan bin Abd Aziz (SP9);

F (j) Dr. Muhammad Shafie bin Othman @ Osman (SP10);

(k) Insp Nor Salica bt Mohd Saad (SP11);

(l) DSP Zolkifli bin Hanifah (SP12);

G (m) Jacqueline Bernice a/p John Bosco (SP13);

(n) Kpl Maxon Daniel bin Abdullah (SP14); dan

(o) Insp Rahman bin Abd Rashid (SP15).

[7] Seputar jam 8.15 pagi 5 Mei 2017, SP2 yang sedang membeli kuih
H berhampiran gerai kopi No. 7, Taman Kota Tampan, Lenggong, Perak (tempat kejadian) terdengar jeritan. Apabila dia berpaling ke belakang, dia melihat seorang lelaki sedang terbaring di atas jalan dan seorang lelaki yang memegang parang di tangannya berlari ke arah sebuah kereta Iswara berwarna putih. Menurut SP2, oleh kerana dia di dalam keadaan terkejut, dia
I tidak dapat melihat wajah, mahupun warna pakaian lelaki yang memegang parang itu. Tambahan pula lelaki yang memegang parang itu beredar dengan

pantas. SP2 juga tidak sempat melihat nombor pendaftaran kereta Iswara berwarna putih itu. Lelaki yang terbaring di atas jalan kemudiannya dikenal pasti sebagai Lathmana a/l Kanthan (mangsa). SP1 yang berkebetulan tiba di tempat kejadian melihat mangsa terbaring di atas jalan berlumuran darah. Tubuh mangsa ditindih oleh sebuah motosikal. Tanpa berlengah SP1 menghubungi ambulans. Selepas itu, SP1 menelefon pihak polis. SP1 tidak melihat kejadian bagaimana mangsa mengalami kecederaan.

[8] SP3 turut berkebetulan berada di tempat kejadian. SP3 diminta oleh kawannya yang bernama Muniandi untuk memberi bantuan. SP3 telah mengangkat motosikal yang menimpa kaki mangsa. Menurut SP3 lagi, mangsa ketika itu masih bernyawa. Semasa mengangkat motosikal, SP3 terdengar mangsa berkata "Dua orang telah potong saya". Tidak lama kemudian, mangsa diam dan tidak lagi bergerak. Menurut SP3 dia tidak melihat kejadian mangsa diserang.

[9] Laporan maklumat pertama diterima oleh SP14. Pihak polis yang dimaklumkan tentang kejadian bertindak pantas untuk menjejak si pelaku yang bertanggungjawab. SP9, Pegawai Risikan Dan Operasi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik yang dimaklumkan tentang kejadian mangsa diserang oleh ASP Azman, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah IPD yang sama tiba di tempat kejadian untuk membuat siasatan awal. SP9 mendapat maklumat bahawa keluarga mangsa pernah berselisih faham dengan tertuduh dan terdapat beberapa laporan polis telah dibuat berkait perbalahan antara keluarga mangsa dengan tertuduh. Seterusnya, SP9 mendapat maklumat bahawa kereta Iswara berwarna putih yang dinaiki oleh lelaki yang melarikan diri sambil memegang parang adalah sama deskripsi dengan kereta Iswara bernombor pendaftaran WJH 6087 yang dimiliki oleh ayah tiri tertuduh, SP4. SP9 mula mengesan tertuduh. Seterusnya, SP9 mendapat maklumat bahawa kereta Iswara WJH 6087 menuju ke arah Kuala Kangsar. SP9 meminta bantuan Insp Azril daripada IPD Kuala Kangsar untuk mengesan kereta tersebut. Insp Azril memaklumkan kepada SP9 bahawa tertuduh mempunyai seorang abang yang tinggal di Kuala Kangsar. Insp Azril membuat pemantauan di rumah abang tertuduh, namun tiada pergerakan. Kemudian, SP9 mendapat maklumat bahawa kereta Iswara WJH 6087 menuju ke arah Ayer Tawar, Manjong, Perak. SP9 segera menghubungi Insp Sujit daripada IPD Manjong untuk membuat pemantauan. SP9 bersama pasukannya menyusul ke Ayer Tawar.

[10] Sementara itu, pada jam 11.10 pagi, SP12 yang merupakan Pegawai Turus Forensik, di Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Perak bersama pasukannya tiba di tempat kejadian. Ketika itu, pegawai penyiasat kes, SP15 ada di sana. Setelah diberi taklimat ringkas oleh SP15, SP12 mula mengumpul barang kes dan mengambil *swabbing* bagi tujuan pemeriksaan forensik. Antara *swabbing* yang diambil ialah kesan darah pada

mudguard motosikal ADW 8422 (eks. P47A), dan kesan darah pada badan mangsa (eks. P46A). Barang kes lain yang diambil ialah satu cermin mata hitam (eks. P49A), tali nylon berwarna hijau/merah (eks. P68A), cebisan kain batik warna ungu/merah jambu (eks. P56A), selipar sebelah kanan jenama Amporlo saiz 43 (eks. P59A), dua kelongsong peluru (eks. P48A dan B), tali nylon berwarna kelabu/merah (eks. P57A), dua batu pengasah (eks. P60A dan B), dan cebisan daging (eks. P58A) yang berada berdekatan dengan mangsa yang telah meninggal dunia. Kesemua barang kes yang diambil di tempat kejadian dibuat tandaan dan SP7 diarahkan mengambil gambar barang-barang kes tersebut sebelum dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditandakan dengan tandaan bermula nombor satu hingga 11. Sampul surat-sampul surat berkenaan dilakrikan dengan sellotape forensik. Pada jam 12.15 tengah hari, hari yang sama bertempat di tempat kejadian SP12 telah menyerahkan kesemua sampul surat kepada SP15.

[11] Di Ayer Tawar, semasa melalui Taman Seri Indah, SP9 terserempak dengan kereta Iswara WJH 6087 yang diparkir di tepi padang permainan. Berhampiran kereta itu kelihatan tertuduh bersama-sama abangnya, Periyasamy a/l Ahvali (Periyasamy) sedang duduk di atas kerusi simen. Tertuduh dan Periyasamy telah ditangkap. Hasil pemeriksaan ke atas kereta Iswara WJH 6087, SP9 menemui sebilah parang (eks. P21) yang diletakkan di bawah tempat duduk penumpang hadapan kereta itu. Parang itu telah dirampas.

[12] Selanjutnya, SP9 membawa tertuduh dan Periyasamy ke Balai Polis Ayer Tawar untuk tindakan lanjut. SP9 juga memaklumkan rampasan dan tangkapan yang dibuat kepada SP15 dan bahagian forensik. Hasil soal siasat yang dijalankan ke atas tertuduh, SP9 telah pergi ke sebuah rumah bernombor 34A, Taman Seri Indah 2, Ayer Tawar, Manjong Perak (rumah No. 34A). Rumah No. 34A dimiliki oleh Angela Dewi a/p Krishnan yang merupakan ibu saudara kepada tertuduh dan Periyasamy. Dengan dipandu arah oleh tertuduh, SP9 telah merampas sehelai baju T-shirt tanpa lengan warna kelabu (eks. P40A), sehelai seluar pendek warna celoreng (eks. P41A), sehelai baju lengan panjang warna coklat (eks. P61A), sehelai singlet jenama Eagle King (eks. P42A), sehelai baju T-shirt tiada lengan warna merah/hitam (eks. P43A), sehelai penutup kepala (P32A), sehelai tuala berwarna coklat (eks. P39A), sepasang sarung tangan panjang (eks. P33A) yang dimasukkan di dalam tong plastik berwarna hitam (eks. P73) yang diletakkan di hadapan rumah No. 34A di dalam keadaan basah. Turut dirampas dua pasang kasut (eks. P67A dan P69A) yang berada berdekatan dengan tong air berwarna hitam itu.

[13] Lebih kurang jam 1.30 tengah hari, SP12 bersama pasukannya tiba di taman permainan di mana tertuduh dan Periyasamy ditangkap. SP9 menyusul ke taman permainan itu dengan membawa tertuduh dan Periyasamy bersama. Pemeriksaan SP12 ke atas kereta Iswara WJH 6087 menemui beberapa kesan yang disyaki kesan darah. Antara lain, SP12 telah mengambil cebisan kusyen tempat duduk penumpang belakang (eks. P63A) dan *swabbing* pada stering, brek tangan (eks. P55A) dan tombol gear (eks. 54A) kereta Iswara itu untuk analisis DNA.

[14] Barang-barang yang dirampas di hadapan rumah No. 34A diserahkan oleh SP9 kepada SP12 untuk mengesan kesan DNA. SP12 telah membuat tandaan dan mengarahkan SP7 mengambil gambar. Kesemua barang kes dibungkus/dimasukkan ke dalam sampul yang dilakrikan dengan sellotape forensik. SP12 membawa kesemua barang kes yang dirampas balik ke IPK Perak. Kemudian, pada jam 7.30 petang bertempat di pejabat D10 IPK Perak, SP12 telah menyerahkan barang kes kepada SP15.

[15] Semasa menjalankan siasatan, atas maklumat yang diberikan oleh tertuduh, SP15 telah membawa tertuduh dan Periyasamy ke Sungai Ulu Kenas bagi mengesan tangan mangsa yang dikatakan telah dibuang di sungai tersebut. Pencarian yang dibuat di sungai itu tidak berjaya menemukan tangan mangsa. Menurut SP15 aliran sungai itu agak deras.

[16] Berkenaan penggunaan kereta Iswara WJH 6087, menurut SP4, pada 4 Mei 2017 jam lebih kurang 8.30 malam tertuduh telah datang ke rumahnya untuk meminjam kereta itu atas alasan hendak menghantar Periyasamy pulang ke Kuala Kangsar. Menurut SP4 lagi, tertuduh berjanji akan mengembalikan kereta itu pada sebelah pagi esoknya. Kereta itu gagal dipulangkan kepada SP4 seperti yang dijanjikan.

[17] Mangsa yang meninggal dunia di tempat kejadian dibawa ke Hospital Raja Perempuan Bainun (HRPB), Ipoh. Pada 5 Mei 2017 jam 3.20 petang, SP10 yang merupakan Pakar Perunding Forensik di HRPB telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat mangsa. Tanda-tanda kecederaan yang signifikan yang ada pada badan mangsa ialah luka tetakan di tepian kepala sebelah kiri, luka tetakan di bawah telinga kiri, luka tetakan di pangkal lengan bawah kiri di mana di dalam luka kelihatan tulang hasta dan otot sekitarnya terpotong dan luka tetakan yang mencantas terus tapak tangan kiri secara menyerong. Menurut SP10 lagi punca kematian mangsa ialah pendarahan berlebihan akibat luka-luka tetakan.

[18] SP15 meminta SP11 menghantar barang kes ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Cawangan Pulau Pinang. Pada 8 Mei 2017 jam 3.24 petang, SP11 telah menyerahkan barang kes kepada SP13, pegawai sains JKM Pulau Pinang. Hasil analisis yang dijalankan oleh SP13 mendapati eks. P63A dan eks. P55A mempunyai kesan darah yang dikatakan mengandungi DNA mangsa.

[19] Periyasamy gagal dikemukakan sebagai saksi. Dia telah menghilangkan diri, meskipun telah menandatangani bon di bawah s. 118 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) untuk hadir ke mahkamah sebagai saksi bila diperlukan. Waran tangkap yang dikeluarkan ke atas Periyasamy gagal disempurnakan. SP15 telah melakukan pelbagai usaha untuk mengesan saksi ini, termasuklah pergi ke alamat rumah Periyasamy di Taman Bunga Raya, Kuala Kangsar sebanyak tiga kali, pergi ke rumah ibunya di Sauk sebanyak lima kali, menghubungi KWSP dan PERKESO untuk mendapat alamat terkini Periyasamy, serta menyiarkan berita di surat khabar bagi mendapat maklumat daripada orang awam berkenaan Periyasamy, malangnya tidak berhasil. SP15 telah juga pergi ke alamat yang diberikan oleh KWSP dan PERKESO untuk mengesan Periyasamy, tetapi gagal menemui penama itu di alamat-alamat tersebut. Pihak pendakwaan berjaya mengemukakan percakapan Periyasamy (eks. P90) yang dibuat di bawah s. 112 KTJ berdasarkan peruntukan s. 32(1)(i) Akta Keterangan 1950. Di dalam eks. P90, Periyasamy menyatakan semasa berada di taman permainan berhampiran rumah ibu saudaranya di Taman Seri Indah, tertuduh telah membuat pengakuan kepadanya bahawa dia (tertuduh) telah menetak mangsa di tempat kejadian sebelum datang ke rumah Periyasamy dan mengambilnya pergi ke rumah ibu saudara mereka di Ayer Tawar.

[20] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie*. Tertuduh telah dipanggil membela diri.

Kes Pembelaan

[21] Tertuduh (SD1) memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah di kotak saksi. Tertuduh turut memanggil seorang saksi awam, iaitu Nasaruddin bin Ahmad (SD2) yang merupakan Pesuruhjaya Sumpah yang menyaksikan surat akuan berkanun (eks. P92) yang dibuat oleh Periyasamy.

[22] Tertuduh di dalam keterangannya menafikan bahawa dia telah mencederakan mangsa di tempat kejadian. Menurut tertuduh, pada hari kejadian, dia telah keluar minum kopi. Selepas selesai sarapan, dia pulang ke rumahnya. Tertuduh mendakwa ketika dia sampai di rumahnya, Periyasamy baru hendak keluar dari rumah tertuduh. Selang 10 minit kemudian, Periyasamy datang semula ke rumah tertuduh. Periyasamy memberitahu tertuduh bahawa dia (Periyasamy) telah terserempak dengan mangsa dan berlaku pergaduhan di antara mereka berdua (Periyasamy dan mangsa). Memandangkan tertuduh dan Periyasamy telah membuat rancangan untuk menziarahi ibu saudara mereka di Ayer Tawar, mereka berdua bergerak ke sana.

[23] Semasa berada di taman permainan di Taman Seri Indah, Periyasamy menerima panggilan telefon daripada rakannya yang memaklumkan mangsa telah meninggal dunia. Tertuduh mendakwa Periyasamy menyuruh dia menyerah diri dan mengaku telah mencederakan mangsa. Ketika bersembang di taman itu, pasukan polis telah datang menangkap mereka. Menurut tertuduh, parang yang dijumpai di dalam kereta Iswara WJH 6087 digunakan di dalam pekerjaannya.

[24] SD2 di dalam keterangannya mengatakan bahawa pada 30 April 2018, Periyasamy telah menandatangani eks. P92 di hadapannya.

[25] Di akhir kes, hakim bicara memutuskan bahawa tertuduh telah gagal menimbulkan sebarang keraguan kepada kes pendakwaan. Oleh itu, pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Tertuduh telah didapati salah dan disabitkan dengan pertuduhan. Hukuman seperti yang dinyatakan di awal penghakiman ini telah dijatuhkan ke atas tertuduh.

Alasan Penghakiman Hakim Bicara

[26] Hakim bicara dengan betulnya menyenaraikan inti pati pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan, seperti:

(i) Mangsa telah mengalami kecederaan parah dalam erti kata yang diperuntukkan di bawah s. 320 KK;

(ii) Tertuduh dengan sengaja telah menyebabkan kecederaan parah ke atas mangsa.

[27] Fakta bahawa mangsa mengalami cedera parah telah berjaya dibuktikan melalui keterangan SP10. SP10 berpendapat kecederaan pada badan mangsa itu disebabkan oleh tetakan dengan menggunakan objek tajam dan pipih, seperti parang dengan menggunakan kudrat yang kuat. Yang menjadi isu ialah siapakah pelakunya. Tiada saksi mata yang melihat mangsa ditetak hingga putus pergelangan tangan kirinya. Hakim bicara menyedari bahawa kes pendakwaan bergantung sepenuhnya kepada keterangan ikut keadaan (circumstancial evidence). Fakta berikut telah diambil pertimbangan oleh hakim bicara;

(a) SP4 telah meminjamkan kereta Iswara WJH 6087 berwarna putih kepada tertuduh dan SP2 melihat seorang yang memegang parang berlari ke arah kereta jenis dan warna yang sama, manakala mangsa terbaring di atas jalan;

(b) SP9 mendapat maklumat bahawa keluarga mangsa mempunyai masalah dengan tertuduh;

(c) Semasa tertuduh ditangkap berhampiran kereta Iswara WJH 6087, SP9 telah menemui parang eks. P21 di bawah kerusi pemandu kereta tersebut;

A (d) Kesan darah pada keratan kusyen penumpang belakang (eks. P63A) dan *swabbing* yang diambil pada brek tangan (eks. P55A) kereta Iswara WJH 6087 yang diambil oleh SP12 mempunyai DNA mangsa;

(e) Periyasamy di dalam percakapan yang diberikan kepada pihak polis semasa siasatan (eks. P90) menyatakan bahawa tertuduh telah mengaku
B kepadanya bahawa dia telah menetak mangsa dengan parang.

[28] Berdasarkan fakta-fakta di atas, hakim bicara memutuskan seperti berikut:

> [34] Berdasarkan keterangan saksi-saksi tersebut ternyata senjata yang
C digunakan adalah parang. P21 merupakan sebuah parang yang panjang. P21 merupakan senjata yang berbahaya. Luka-luka yang dialami oleh simati adalah serius sehingga boleh menampakkan bahagian tengkorak. Selain itu, pergelangan tangan si mati telah dicantas juga mencerminkan senjata yang digunakan adalah sangat tajam. Luka-luka yang dialami oleh simati juga adalah akibat ditetak secara bertubi-tubi. Jelas, OKT hendak
D mendatangkan kecederaan parah ke atas si mati.

[29] Hakim bicara juga mendapati bahawa tidak berlaku pencemaran kepada barang kes yang diambil oleh SP12 untuk tujuan analisis forensik. SP12 telah memastikan pakaian beliau dan ahli pasukannya bersih daripada terkena darah mangsa. Sarung tangan yang digunakan di tempat kejadian
E telah dibuang. Sarung tangan baharu telah digunakan semasa mengambil sampel untuk ujian DNA semasa di taman permainan Taman Seri Indah.

[30] Kesimpulan yang dibuat oleh hakim bicara di akhir kes pendakwaan adalah seperti berikut:

> F [47] Oleh itu berdasarkan keterangan-keterangan di atas mahkamah berpendapat pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan OKT1 adalah orang yang telah menetak si mati dan OKT juga telah dengan sengaja mendatangkan cedera parah ke atas si mati. Berdasarkan dapatan ini mahkamah telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* ke atas pertuduhan dan OKT seterusnya
G telah diperintahkan untuk membela diri.

[31] Mengenai pembelaan tertuduh, hakim bicara memutuskan bahawa tertuduh tidak jujur di dalam mengemukakan pembelaannya di mahkamah. Beginilah dapatan hakim bicara:

> H [51] Kemudiannya apabila OKT memberi keterangan di mahkamah tiba-tiba surat akuan Periyasamy bertarikh 30.4.2018 dikemukakan dan bertujuan untuk menafikan semua rakaman percakapannya (P90) tersebut. Surat akaun ini dibuat 4 hari selepas SP15 memberi keterangan di mahkamah dan mengemukakan rakaman percakapan Periyasamy. **Keadaan ini menunjukkan OKT bukan seorang saksi yang jujur**
I **memberi keterangan.** Surat akuan ini juga disediakan oleh peguam bela yang mewakili OKT. Adalah jelas OKT dan peguamnya boleh

menghubungi saksi Periyasamy ini tetapi sengaja tidak memintanya untuk hadir ke mahkamah. OKT mungkin juga menyembunyikan saksi Periyasamy untuk menyelamatkan dirinya dari disabitkan bersalah ke atas pertuduhan. Sekiranya OKT tidak bersalah di dalam kes ini, tidak ada apa-apa yang dia perlu sembunyikan atau takutkan. Sekiranya OKT memberitahu perkara sebenar kepada pihak polis, saksi Periyasamy akan dapat disoal balas oleh semua pihak dan mahkamah akan dapat membuat keputusan yang lebih adil dan telus. (penekanan ditambah)

[32] Selanjutnya, hakim bicara memutuskan bahawa kandungan surat akuan Periyasamy diragui kesahihannya. Surat akuan tersebut tidak dikemukakan melalui pembuatnya sendiri, tetapi melalui Pesuruhjaya Sumpah. Tambah hakim bicara, jika seseorang tertuduh dibenarkan mengemukakan surat akuan bukan melalui pembuatnya, akan berlaku keadaan di mana tertuduh akan meminta seorang membuat surat akuan mengaku melakukan kesalahan dan pengakuan itu dikemukakan melalui Pesuruhjaya Sumpah. Di perenggan [53] alasan penghakimannya (ms. 52 hingga 53 RR jld 1) hakim bicara memutuskan:

[53] **Mahkamah dapat melihat ketidakjujuran OKT di dalam kes ini.** Dan peguam bela OKT sebagai pengamal undang-undang sepatutnya menasihatkan anak guam mereka dan juga saksi Periyasamy untuk menyerah diri dan berhadapan dengan proses undang-undang yang sah dan bukannya membuat tindakan seperti ini. (penekanan ditambah)

[33] Tambahan pula, surat akuan itu merujuk kepada percakapan yang dibuat oleh Periyasamy pada 13 Mei 2017, sedangkan eks. P90 dirakam pada 15 Mei 2017. Tertuduh juga semasa disoal-balas oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) mengaku tidak menunjukkan eks. P90 kepada Periyasamy semasa Periyasamy membuat surat akuan itu. Oleh itu, surat akuan tersebut menurut hakim bicara tidak mungkin merujuk kepada eks. P90.

[34] Berdasarkan alasan-alasan yang diberikan di atas, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pembelaan telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan.

Analisa Ke Atas Merit Rayuan Tertuduh

[35] Di dalam petisyen rayuan tertuduh disenaraikan 28 sebab kenapa mahkamah ini perlu campur tangan dan membenarkan rayuan tertuduh. Peguam bela terpelajar bagi pihak tertuduh tidak mempertikaikan fakta bahawa mangsa mengalami kecederaan parah. Di dalam penghujahan bertulisnya (lihat ms (5) hujahan bertulis perayu) peguam bela terpelajar menumpukan cabarannya terhadap dapatan hakim bicara kepada dua isu utama, iaitu;

(i) bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila gagal untuk memutuskan bahawa rantaian keterangan berkenaan ekshibit telah terputus (break in the chain of the exhibits) (isu pertama); dan

A (ii) bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila gagal untuk menilai keterangan secara keseluruhannya (failed to evaluate the evidence in totality), terutamanya berkenaan keterangan mengikut keadaan atau 'circumstancial evidence' yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan (isu kedua).

B *Isu Pertama*

[36] Berkenaan dengan isu pertama, peguam bela terpelajar mempertikaikan barang kes klinikal dan bukan klinikal yang diambil oleh SP10 daripada mangsa ialah: (i) urin untuk ujian toxicology (eks. P26A-B); (ii) rambut kepala yang dicabut (eks. P28A); (iii) kuku jari tangan kanan (eks. P29A); (iv) spesimen darah yang dimasukkan ke dalam satu botol kaca (eks. P25A); (v) darah dicalit di kad FTA untuk analisis DNA (eks. P31A); (vi) baju kemeja lengan tangan pendek; (vii) seluar pendek (eks. P65A); (viii) topi baseball; (ix) tuala muka (eks. P51B); dan (x) rantai tali warna merah berloket (eks. P30A) seperti berikut. SP10 menyerahkan bersama barang kes yang diambilnya kepada SP15 (lihat borang penyerahan spesimen eks. P23). Menurut peguam bela terpelajar di dalam eks. P23 langsung tidak dicatitkan tandaan yang dibuat ke atas barang kes-barang kes tersebut. Dengan menggunakan kes undang-undang *PP v. Ahmad Rizal Umar* [2017] 1 LNS 1069 sebagai nas, peguam bela terpelajar menghujahkan bahawa kegagalan membuat tandaan pada ekshibit-ekshibit tersebut adalah fatal kepada kes pendakwaan.

[37] Di dalam kes *PP v. Ahmad Rizal bin Umar (supra)* Mahkamah Rayuan telah menekankan peri penting tidak berlakunya kesenjangan (gap) di dalam rantaian keterangan bersabit barang kes yang dirampas dan dikemukakan ke mahkamah dengan memutuskan seperti berikut:

> [28] Now, our courts have time and again emphasised that it is essential for the prosecution to prove that the exhibits collected or recovered from the scene of crime are the very same exhibits submitted for laboratory examination or analysis. The underlying purpose of testimony relating to the chain of custody is to prove that the evidence which is sought to be tendered has not been altered, compromised, contaminated, substituted or otherwise tampered with, thus ensuring its integrity from collection to its production in court. Proof of continuity is not a legal requirement and gaps in continuity are not fatal to the prosecution's case unless they raise a reasonable doubt about the exhibit's integrity. There is also no specific requirement that every person who may have possession of the exhibit during the chain of custody should himself or herself give evidence. It is a question of fact for the Court to determine whether or not the DNA result is accurate because of the possibility that security or continuity was not maintained. (See *Gunalan Ramachandran & Ors v. Public Prosecutor* [2004] 4 CLJ 551; *R v. Larsen* 2001 BCSC 597; *R v. Stafford* [2009] QCA 407).

[38] Di dalam kes yang dirujuk itu, walaupun barang kes telah dibuat tandaan dan diambil gambar sebelum dibungkus, namun Mahkamah Rayuan mendapati bahawa rantaian keterangan mengenai penjagaan barang kes telah terputus. Beginilah dapatan Mahkamah Rayuan:

> [37] We have tooth-combed the evidence on the chain of custody of the exhibits. Notwithstanding the detailed testimonies of witnesses regarding the handling of the exhibits concerned, we found some vital link was not accounted for or missing. The point was rightly observed by the learned trial Judge when His Lordship concluded that there was a serious break in the chain of evidence affecting proof as to the identity of the exhibits. We entertained serious doubt whether in fact the exhibits analysed by PW24 and PW25 were the same exhibits recovered and handed over to PW16. We will elaborate on this point in the following paragraphs.

[39] Pada hemat mahkamah ini, peguam bela terpelajar telah membuat bacaan yang salah ke atas keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *PP v. Ahmad Rizal bin Umar (supra)* mengenai isu terputusnya rantaian keterangan. Rantai keterangan di dalam kes tersebut terputus bukan kerana tiada tandaan pada spesimen yang diambil untuk ujian DNA, tetapi disebabkan tiadanya keterangan siapa yang mengambil sampel darah tertuduh dan apa yang telah terjadi kepada barang kes yang dipungut setelah diserahkan kepada pegawai penyiasat sehinggalah diserahkan kepada ahli kimia untuk tujuan analisis. Beginilah dapatan Mahkamah Rayuan:

> [38] The specimen of the respondent's blood (E4a) was taken so that a comparison can be made with the exhibits recovered from the crime scene. However, the prosecution did not adduce evidence to establish the fact who actually took the sample of blood from the respondent, how and when. Further, there was also no evidence to show on how the sample of blood was preserved and kept until it was handed to PW16.
>
> [39] There was no evidence adduced by the prosecution to show exactly what had happened to the exhibits between the time of handing over by PW2, PW20 and PW21 to the investigation officer (PW16) and the subsequent examination by the chemist. It was not disputed that PW16 was given custody of the exhibits. However, there were nagging questions about what did PW16 do with the exhibits after he receive them from PW2, PW20 and PW21; where did he keep them; were they kept under lock and key; who placed the markings on the exhibits; and did PW24 and PW25 received the very same exhibits that were recovered by PW2, PW20 and PW21.
>
> [40] After an assiduous review of the evidence on record, we found the preservation of the integrity and identity of the exhibits prior to the items reaching the laboratory had been seriously compromised.

A [41] In the circumstances, the learned trial Judge was correct in rejecting the evidence of PW25 on the DNA profiling and the comparison made with the view to implicate the respondent.

[42] On these reasons, the first ground raised by the learned DPP must fail.

B **[40]** Berkenaan rayuan ini, SP10 di dalam keterangannya (lihat ms. 44 RR jld 2) menyatakan:

Saya ada ambil specimen si mati untuk dibuat analisia. Saya nyatakan di muka surat 4.

C Spesimen diserahkan kepada pegawai penyiasat kes ini. Saya ada sediakan Borang Penyerahan specimen.

[41] Keterangan SP15 mengenai penerimaan spesimen yang diambil oleh SP10 adalah seperti berikut (lihat penyata saksi SP15 yang ditandakan sebagai PSP15):

D Bedah siasat selesai pada jam lebih kurang 6.45 petang. Saya turut menerima specimen barang kes yang diserahkan oleh Mohd Shafie bin Arshad Penolong Pegawai Perubatan. Barang kes yang saya terima adalah:

…

E **[42]** Ekshibit P23 menunjukkan spesimen diserahkan oleh Mohd Shafie bin Arshad kepada SP15. Bagaimana Mohd Shafie bin Arshad menerima barang kes tidak diketahui memandangkan penama itu tidak dipanggil sebagai saksi. SP10 di dalam keterangannya tidak mengatakan bahawa dia menyerahkan barang kes yang diambil kepada Mohd Shafie bin Arshad. SP10 hanya
F menyatakan barang kes diserahkan kepada pegawai penyiasat. Apa yang terjadi kepada spesimen klinikal dan barang peribadi mangsa yang diambil oleh SP10 semasa berada di dalam jagaan Mohd Shafie bin Arshad adalah tidak diketahui. Oleh itu, telah berlaku kesenjangan di dalam rantaian penjagaan barang kes, seperti kes *PP v. Ahmad Rizal bin Umar (supra)*.

G **[43]** Di dalam kes ini, SP13 yang menjalankan analisis DNA telah membandingkan kesan darah yang diperolehi daripada barang kes yang dirampas di tempat kejadian dan di dalam kereta Iswara WJH 6087 dengan sampel DNA daripada barang kes yang diambil oleh SP10 daripada mangsa. Di dalam keadaan rantaian keterangan barang kes yang diambil oleh SP10
H telah terputus, maka dapatan hakim bicara mengaitkan kesan DNA yang dijumpai di tempat kejadian dan kereta Iswara WJH 6087 berpunca daripada sumber yang sama adalah terpesong dan tidak disokong oleh keterangan. Hakim bicara telah gagal memberi pertimbangan kepada isu integriti sampel DNA yang diambil oleh SP10 telah terputus rantaian keterangan. Kegagalan
I tersebut terjumlah kepada satu salah arah secara tiada arah diri yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini.

Isu Kedua

[44] Hakim bicara juga menerima kandungan eks. P90, iaitu percakapan yang diberikan oleh Periyasamy yang diterima masuk berdasarkan peruntukan s. 32(1) Akta Keterangan 1950. Namun, hakim bicara telah gagal menimbang kedudukan undang-undang mengenai keberatan yang harus dilekatkan (attached) kepada keterangan yang diterima masuk di bawah s. 32(1) Akta Keterangan 1950 tanpa pemeriksaan balas. Di dalam kes *PP v. Mohd Jamil Yahya & Anor* [1993] 1 LNS 95; [1993] 3 MLJ 792, KC Vohrah (sebagaimana pada masa itu) menyatakan seperti berikut:

> To be noted, too, is that the principle of impeaching and discrediting or corroborating the declarant of a dying declaration is recognised by a statutory provision and in fact extends to all declarants of statements made admissible under ss 32 and 33 of the Evidence Act 1950 as s 158 of the Evidence Act 1950 provides that 'whenever any statement relevant under ss. 32 or 33 is proved, all matters may be proved either in order to contradict or to corroborate it, or in order to impeach or confirm the credit of the person by whom it was made, which might have been proved if that person had been called as a witness and had denied upon cross-examination the truth of the matter suggested.
>
> In my view, the weight and degree of credit to be attached to a statement by a declarant under para (i) who is patently not disinterested must be examined with the greatest of caution lest false stories or a false colouring to the stories given by the declarant in the statement makes the court draw a jaundiced view of facts which cannot be verified through the cross-examination of the declarant and facts which may falsely implicate an accused. And more so where an accused faces a charge carrying a mandatory sentence of death on conviction on the charge.
>
> The statement of the deceased Azali contains hearsay evidence and also reveals his bad character. In addition to seemingly implicate the first accused for the purchase of the bag of cannabis and to seemingly implicate the second accused peripherally with the bag that was seized by the police, the declarant, in hearsay allegations, supposedly made by one Meli (who, the prosecution say, cannot be traced), tried to show how the first accused through this Meli, was intent on purchasing cannabis. Inspector Ramli, the investigating officer of the case, said that after he had recorded the statement (P22) from the declarant, the declarant promised that he would himself show Meli to the inspector at Langkawi. However, the declarant did not turn up at Langkawi and when the inspector contacted him, the declarant told the inspector that he could not come to Langkawi as his uncle had passed away. Was Meli a figment of the imagination of the declarant to implicate the accused? If he was not, he would have been a useful prosecution witness to have had in court to bear witness to the several allegations in the statement.

[45] Hakim bicara gagal memberi pertimbangan kepada fakta bahawa Periyasamy juga ditangkap bersama tertuduh dan merupakan suspek. Adalah selamat untuk membuat inferens bahawa dia akan cuba melepaskan dirinya dengan meletakkan kesalahan ke atas tertuduh. Perlu dicatitkan di sini bahawa keterangan SP5 menunjukkan Periyasamy juga bermusuhan dengan SP5 berpunca daripada soal wang. SP5 pernah dipukul oleh tertuduh dan Periyasamy. Pada bulan Mei 2017, beberapa hari sebelum mangsa diserang, tertuduh dan Periyasamy telah pergi ke tempat kerja SP5 untuk menuntut wang daripada SP5. Oleh itu, hakim bicara sepatutnya menimbang kandungan eks. P90 dengan berhati-hati sebelum memberi keberatan kepada percakapan tersebut. Hakim bicara langsung tidak menimbang soal motif yang ada pada Periyasamy untuk melepaskan diri dengan meletakkan kesalahan kepada tertuduh. Pada hemat mahkamah ini, berdasarkan latar belakang permusuhan antara Periyasamy dan SP5, eks. P90 tidak boleh diberi keberatan. Apatah lagi di dalam keadaan terputusnya rantaian keterangan bersabit sampel DNA yang diambil oleh SP10. Seperkara lagi, mahkamah ini mendapati bahawa hakim bicara telah menerima masuk eks. P90 tanpa mendengar penghujahan, meskipun dibantah oleh peguam bela. Ini boleh dilihat di dalam nota keterangan di ms. 73 hingga 74 RR jld 2 seperti berikut:

> PP: Saya ingin kemukakan rakaman keterangan saksi-saksi ini di bawah Seksyen 32 Akta Keterangan sebab saksi-saksi ini tidak dapat dijumpai.
>
> Mahkamah: Setelah mendengar keterangan yang dikemukakan oleh saksi ini, mahkamah berpuas hati segala usaha telah dilakukan untuk mengesan saksi-saksi ini. Oleh itu mahkamah menerima permohonan pendakwaraya untuk mengemukakan keterangan di bawah sek. 112 KTJ.
>
> PP: Saya kemukakan rakaman percakapan saksi Periyasamy dan Angela Devi a/p Krishnan di bawah Sek. 112 KTJ.
>
> S: Adakah Insp yang rakamkan percakapan ini?
>
> J: Ya, saya yang rakam percakapan Periyasamy pada 19.5.2017 di IPD Gerik. Rakaman dibuat selepas saksi ini dibebaskan oleh Mahkamah.
>
> S: Semasa sesi soal siasat, adakah saksi memahami soalan Insp?
>
> J: Ya, dia faham. Dia boleh cakap bahasa Melayu.
>
> S: Adakah Periyasamy ada sebarang bantahan terhadap soalan-soalan Insp?
>
> J: Tidak ada bantahan dan dia juga telah tandatangan rakaman percakapan ini. Semasa keterangan diambil, Periyasamy juga tidak bergari.
>
> S: Adakah jawapan-jawapan yang diberikan adalah dari jawapan dia sendiri? Adakah terdapat orang lain di situ?

J: Ya, semua jawapan adalah dari Periyasamy sendiri. Hanya saya dan saksi sahaja berada di situ. Periyasamy tidak ada sebarang masalah kesihatan.

S: Di setiap m/s ada tandatangan, tandatangan siapa itu?

J: Tandatangan Periyasamy. Saya lihat sendiri dia menandatangani rakaman percakapan ini.

S: Adakah saksi ini dipaksa memberi keterangan?

J: Tidak ada sebarang paksaan. Pada ketika itu dia telah dibebaskan dan tidak pakai baju lokap.

S: Selepas selesai rakaman percakapan, adakah saksi baca semula dan faham setiap jawapan dan soalan?

J: Ya, ada baca semula dan dia faham.

PP: Saya pohon rakaman ini ditender sebagai keterangan.

PB: Saya bantah dan saya sepatutnya dibenarkan untuk memeriksa balas.

Mahkamah: Keterangan saksi Periyasamy a/l Ahvali – P90.

(penekanan ditambah)

[46] Apabila mahkamah ini membangkitkan isu ini, TPR memohon sedikit masa untuk membuat kajian. Mahkamah telah memberi peluang kepada TPR mengkaji isu ini. Pada tarikh sambung pendengaran rayuan, TPR menghujahkan bahawa kegagalan memberi peluang kepada peguam bela untuk berhujah berkenaan penerimaan masuk rakaman percakapan Periyasamy itu adalah tidak fatal. Pada hujahan TPR, bukanlah suatu keperluan mandatori pihak-pihak berhujah sebelum mahkamah membuat apa-apa ruling bersabit kebolehterimaan (admissibility) eks. P90. TPR telah merujuk kepada tiga kes, iaitu (i) keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Msimanga Lesaly v. PP* [2005] 1 CLJ 398; (ii) keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Diana Nelson Tanoja v. PP* [2010] 3 CLJ 1; dan (iii) keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Dato' Sri Dr Mohamad Salleh Ismail & Anor v. Nurul Izzah Anwar & Anor* [2018] 9 CLJ 285.

[47] Kes *Dato' Sri Dr Mohamad Salleh Ismail & Anor v. Nurul Izzah Anwar & Anor (supra)* amat berbeza dengan fakta kes rayuan semasa di mana apa yang berlaku di dalam kes itu ialah pihak-pihak tidak diberi peluang berhujah secara lisan sebelum mahkamah membuat keputusan. Namun, pihak-pihak telah memfailkan hujahan bertulis masing-masing untuk pertimbangan mahkamah. Mahkamah Rayuan memutuskan adalah menjadi budi bicara mahkamah untuk mengarahkan sama ada hujahan lisan atau bertulis. Jadi, kes itu bukannya melibatkan penafian hak untuk berhujah. Kes *Msimanga Lesaly v. PP (supra)* pula adalah berkenaan kegagalan mahkamah untuk

memaklumkan kepada tertuduh mengenai peruntukan s. 162 KTJ kepada tertuduh tentang haknya untuk memanggil semula saksi apabila mahkamah membenarkan pindaan kepada pertuduhan. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa kegagalan tersebut tidak memprejudiskan tertuduh memandangkan tertuduh diwakili peguam bela dan tidak memohon kepada mahkamah untuk memanggil semula saksi bagi tujuan pemeriksaan balas lanjutan. Apa yang nyata, kes itu tidak berkenaan dengan peluang untuk membuat hujahan sebelum mahkamah membuat apa-apa ruling bila adanya bantahan. Kes *Diana Nelson Tanoja v. PP (supra)* lebih hampir kepada isu yang dibangkitkan oleh mahkamah ini di mana isunya berkenaan hak membuat hujahan sebelum mahkamah membuat keputusan di akhir kes pembelaan. Seksyen 181(1) KTJ menyatakan:

> When the accused is called upon to enter on his defence he or his advocate may then open his case, stating the facts or law on which he intends to rely and making such comments as he thinks necessary on the evidence for the prosecution. He may then examine his witnesses, if any, and after their cross-examination and re-examination, if any, may sum up his case:.

[48] Mahkamah Persekutuan di dalam kes itu telah memutuskan perkataan "if any, may sum up his case" membayangkan peruntukan mengenai penghujahan di akhir kes merupakan suatu budi cara dan bukannya suatu keperluan mandatori yang perlu diberikan kepada tertuduh. Kegagalan memberi peluang kepada tertuduh membuat hujahan di pengakhiran kes bukanlah suatu yang fatal kepada sabitan terhadap tertuduh. TPR berhujah tiada peruntukan yang mewajibkan penghujahan didengar sebelum mahkamah membuat ruling mengenai penerimaan masuk keterangan di bawah s. 32(1) Akta Keterangan 1950.

[49] Keputusan kes *Diana Nelson Tanoja v. PP (supra)* ini telah diulas oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Charles Obasi lwn. PP* [2018] 4 CLJ 32; [2018] MLJU 2 di mana peguam bela tertuduh tidak diberi peluang untuk berhujah di akhir kes pendakwaan. Mahkamah Rayuan melalui Ahmadi Asnawi HMR menyatakan seperti berikut:

> **Keputusan Kami**
>
> [29] Kami telah meneliti keseluruhan rekod-rekod rayuan dengan cermat dan bersetuju dengan pengataan peguam bela dan TPR yang bijaksana bahawa kedua-dua pihak pembelaan dan pendakwaan tidak membuat sebarang hujahan baik secara lisan atau bertulis di akhir kes pendakwaan. Ini konsisten dengan dakwaan kedua-dua pihak bahawa hakim bicara yang bijaksana tidak membenarkan mereka untuk berhujah di akhir kes pendakwaan.
>
> [30] Terdapat dua keputusan Mahkamah Persekutuan yang menangani isu yang dibangkitkan oleh perayu di dalam kes ini. Kes pertama ialah *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631 yang memutuskan, di ms. 645, 646:

[18] Drawing the threads together, it is clear from the authorities that it is a fundamental right guaranteed by art. 5(1) that a person's life (in its widest sense) or his or her personal liberty (in its widest sense) may not be deprived save in accordance with State action that is fair both in point of procedure and substance. Whether an impugned State action is substantively or procedurally fair must depend on the fact pattern of each case. However, when the principle is applied to a criminal case, what it means is that an accused has a constitutionally guaranteed right to receive a fair trial by an impartial tribunal and to have a just decision on the facts. If there is an infraction of any of these rights, the accused is entitled to an acquittal. Whether there has been a fair trial by an impartial tribunal or a just decision depends on the facts of each case ...

[19] ... In our judgment, the constitutionally guaranteed right in an accused to a fair trial includes his right to make a submission of no case at the close of the prosecution's case. It is a right that he or she may waive. But he or she cannot be deprived of it. That unfortunately is what happened here. The accused accordingly did not have a fair trial and art. 5(1) was violated. Following *Public Prosecutor v. Choo Chuan Wang* he is entitled to have his conviction set aside on this ground. We would add that the view expressed by Bellamy J in *Public Prosecutor v. H Parnaby* [1953] 1 LNS 73 that a trial court is not bound to hear submissions at the close of the prosecution case is not correct. Neither are the decisions that have followed it, namely *Public Prosecutor v. Chong Boo See* [1988] 1 CLJ 679; [1988] 2 CLJ (Rep) 206 and *Public Prosecutor v. Wong Kok Wah* [2000] 1 CLJ 217. In our judgment, a trial court must, at the close of the prosecution case, invite submissions from an accused. It is then open to the accused to say that he or she does not wish to make a submission. *But if he or she does not make that election, he or she must be heard. It is however open to the court, after it has heard those submissions to reject them and call for the defence without affording the prosecution a right to reply. This course does no harm to the prosecution. But what the trial court cannot lawfully do is to deprive an accused of his constitutionally guaranteed right to a fair trial by denying him or her of the opportunity to make submission of no case.* (penekanan ditambah)

[31] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Diana Nelson Tanoja v. PP* [2010] 3 CLJ 1 pula memutuskan di ms. 8, 9, seperti berikut:

[33] The next question we ask is whether the learned trial judge is obliged to hear submissions from counsel and DPP before he gives his decision?

[34] In other words, is it mandatory for the learned trial judge to hear submissions before giving his decision?

[35] In our judgment it is not mandatory for the learned trial judge to hear submission from learned counsel before giving his decision.

A

[36] Section 181(1) of the Criminal Procedure Code provides:

> When the accused is called upon to enter his defence he or his advocate may then open his case, stating the facts or law on which he intends to rely and making such comments as he thinks necessary on the evidence for the prosecution. He may then examine his witnesses (if any) and after their cross-examination and re-examination (if any) **may sum up his case** ... (emphasis added).

B

[37] The word 'may' indicates a discretion. Therefore it could be seen that submission at the end of the defence case is discretionary and not mandatory. Therefore the learned trial judge could if he wanted to, decide without having the need to hear submission from defence counsel. Submission is not evidence and hence the judgment is not defective. If the law categorically states that it is not mandatory for counsel to make submission, we can see no reason why it is mandatory for the learned trial judge to hear submission. What, if learned counsel chooses not to make submission? Is the learned trial judge still obliged to call upon learned counsel to make submission? If indeed the law intends that the learned trial judge should hear submission than it would say so in no uncertain terms.

C

D

E

[32] Nyata kedua-dua keputusan Mahkamah Persekutuan di atas tidak sehaluan, yang membawa implikasi mahkamah bawahan bebas untuk memilih yang mana satu yang wajar dijadikan ikutan.

F

[33] Sehubungan dengannya, kami memilih untuk mengikuti *Lee Kwan Woh v. PP (supra)* di mana keputusan dalam kes tersebut lebih menyeluruh jangkauannya yang merangkumi isu-isu hak untuk mendapatkan pembicaraan yang adil seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Ia juga meliputi batas-batas dari segi prosedural dan 'substance' yang perlu dihormati dan diikuti untuk menjamin hak untuk satu pembicaraan yang adil itu terpelihara. Hak untuk membuat hujahan di akhir kes pendakwaan adalah salah satu ciri dalam hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil. Ianya tidak terbatas semata-mata kepada isu interpretasi s. 181(1) Kanun Tatacara Jenayah, iaitu sama ada hakim bicara mempunyai budi bicara untuk mendengar hujahan sebelum beliau membuat keputusan atau adakah ia sesuatu yang mandatori bagi hakim bicara untuk mendengar hujahan sebelum membuat keputusan. Lebih-lebih lagi secara praktiknya mana-mana tribunal pengadilan akan bersetuju bahawa selain daripada bukti-bukti matan yang uncontroverted, keputusan sesuatu kes tersebut ada kalanya berpaksi kepada kekuatan sesuatu hujahan yang dilontarkan oleh pihak-pihak yang bertikaian tersebut. Ada juga kalanya sesuatu keputusan itu dipengaruhi (swayed) oleh kekuatan hujahan yang dicetuskan oleh pihak-pihak yang bertikaian tersebut.

G

H

I

[34] Keperluan untuk memberi ruang kepada pihak-pihak yang bertikaian untuk berhujah tidak boleh diketepikan begitu sahaja atau dianggap sebagai sesuatu yang remeh atau dipandang sebagai sesuatu yang tidak membawa sebarang faedah dalam proses membuat keputusan oleh tribunal pengadilan. Selain dari melanggar per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan, penafian yang sedemikian akan juga mendatangkan prejudis yang bukan kepalang kepada pihak-pihak yang bertikaian.

[35] Atas alasan ini sahaja, kami membenarkan rayuan perayu.

[50] Kes *Charles Obasi v. PP (supra)* menyatakan hak untuk berhujah merupakan hak asasi yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah per. 5(1) sebelum sesuatu tribunal perbicaraan membuat apa-apa keputusan. Mahkamah ini berpandangan hak untuk berhujah ini adalah bagi menjamin seseorang tertuduh mendapat perbicaraan yang adil (fair trial), meskipun s. 32(1) KTJ tidak memperuntukkan prosedur penerimaan keterangan di bawah seksyen tersebut. Adalah menjadi amalan mahkamah apabila timbul bantahan mengenai penerimaan masuk keterangan atau dokumen di bawah peruntukan tertentu Akta Keterangan 1950, mahkamah akan mendengar hujahan terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa ruling, seperti penerimaan masuk pengakuan di bawah ss. 24 hingga 26, maklumat yang membawa kepada penemuan di bawah s. 27, mencabar kebolehpercayaan saksi di bawah s. 155 dan memeriksa balas saksi berpaling dadah (hostile) di bawah s. 154 Akta yang sama, walaupun peruntukan khusus tentang penghujahan tiada di dalam statut. Oleh itu, hujahan TPR bahawa tiada keperluan memberi hak berhujah sebelum mahkamah membuat ruling tentang penerimaan masuk eks. P90 adalah tersasar dan mengundang ketidakadilan di dalam menjalankan perbicaraan di mana hakim boleh membuat ruling mengikut kehendaknya tanpa mendengar pihak-pihak.

[51] Mahkamah ini mendapati kegagalan hakim bicara untuk memberikan peluang kepada peguam bela tertuduh untuk berhujah sebelum membuat ruling mengenai penerimaan masuk eks. P90 telah memprejudiskan tertuduh dan menafikan hak tertuduh untuk mendapat suatu perbicaraan yang adil.

[52] Seterusnya, hakim bicara telah menolak keterangan SP3 yang mendengar mangsa memberitahunya, "Dua orang potong saya" sebelum terbujur kaku atas alasan kata-kata mangsa itu tidak terjumlah kepada dying declaration/percakapan di ambang kematian di bawah s. 32(1)(a) Akta Keterangan 1950 atas alasan kata-kata itu tidak merujuk secara khusus kepada tertuduh sebagai pelaku yang mendatangkan kecederaan ke atas mangsa.

[53] Mahkamah ini mendapati sekalipun kata-kata itu tidak terjumlah kepada percakapan di ambang kematian yang boleh membawa kepada pengenalan identiti pelaku, hakim bicara sepatutnya menerima kata-kata mangsa itu yang menunjukkan bahawa terdapat dua orang yang telah

menyerang dan mendatangkan kecederaan ke atas mangsa kerana percakapan itu mempunyai kesan ke atas pertuduhan yang dirangka ke atas tertuduh. Di dalam kes ini, pertuduhan menyatakan kecederaan parah itu dilakukan oleh seorang sahaja, iaitu tertuduh. Ini bermakna tertuduh dikatakan bertindak seorang diri, sedangkan kata-kata mangsa yang didengari oleh SP3 menunjukkan dua orang yang terlibat. Teori kes pendakwaan melalui keterangan saksi-saksinya ialah tertuduh bertindak secara bersendirian dalam mencederakan mangsa. Teori kes pendakwaan ini bertentangan dengan keterangan SP3 yang mendengar mangsa memberitahu bahawa dua orang yang terlibat. Di dalam keadaan tersebut timbul keraguan sama ada tertuduh merupakan pelaku yang telah mendatangkan kecederaan ke atas mangsa. Hal ini langsung tidak diulas oleh hakim bicara.

[54] Hakim bicara juga gagal mengambil kira bahawa DNA tertuduh tidak dijumpai di tempat kejadian atau pada mangsa. Pakaian dan barang kes lain yang dirampas hasil pandu arah tertuduh juga tidak mempunyai kesan DNA mangsa. Maknanya, tiada keterangan yang boleh mengaitkan tertuduh berada di tempat kejadian semasa mangsa diserang dan dicederakan. Malah parang yang ditemui di dalam kereta Iswara WJH 6087 juga tidak mempunyai DNA mangsa.

[55] Mohd Zawawi Salleh HMR (sekarang ini HMP) di dalam kes *PP v. Ahmad Rizal bin Umar (supra)* mengulas kedudukan undang-undang mengenai keterangan ikut keadaan seperti berikut:

> [59] It is trite that in assessing circumstantial evidence one needs to be careful not to approach such evidence upon a piece-meal basis and to subject each individual piece of evidence to a consideration of whether it excludes the reasonable possibility that the explanation given by an accused is true. The evidence needs to be considered in its totality.
>
> [60] The court must not take each circumstance separately and give the accused the benefit of any reasonable doubt as to the inference to the drawn from each one so taken. It must carefully weigh the cumulative effect of all of them together, and it is only after it has done so that the accused in entitled to the benefit of any reasonable doubt which it may have as to whether the inference of guilt is the only inference which can reasonably be drawn. To put the matter in another way: the prosecution must satisfy the court, not that each separate fact is inconsistent with the innocence of the accused, but that the evidence as a whole is beyond reasonable doubt inconsistent with such innocence.

[56] Di dalam rayuan ini, mahkamah ini mendapati keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak selari dengan kebersalahan tertuduh apabila ditimbang dan dinilai secara keseluruhan. Terdapat keraguan di dalam kes pendakwaan. Apabila wujudnya keraguan di dalam kes pendakwaan, tidak boleh dikatakan pihak pendakwaan telah

berjaya membuktikan kes *prima facie*. Undang-undang mantap menyatakan kes *prima facie* tidak boleh dikatakan sebagai telah berjaya dibuktikan sekiranya terdapat dua-dua keadaan berikut, iaitu apabila terdapat lompang (gap) dalam kes pihak pendakwaan, ataupun juga terdapat keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu inferens selain daripada inferens yang menjurus kepada kebersalahan tertuduh (lihat kes *Arulpragasan Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 AMR 329; *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89; *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19; [1985] 2 MLJ 16 dan *PP v. Kasmin Soeb* [1974] 1 LNS 116; [1974] 1 MLJ 230).

[57] Berdasarkan keterangan yang ada, adalah tidak selamat untuk memanggil tertuduh membela diri. Hakim bicara sepatutnya melepas dan membebaskan tertuduh di akhir kes pendakwaan tanpa dipanggil membela diri.

Kegagalan Hakim Menimbang Pembelaan Tertuduh Dengan Sewajarnya

[58] Hakim bicara menolak pembelaan tertuduh atas alasan tertuduh tidak jujur di dalam mengemukakan pembelaannya, khususnya berkenaan dengan surat akuan berkanun Periyasamy eks. P92 yang diputuskan disediakan sebagai helah dengan bantuan peguam bela (bukan peguam bela yang mengendalikan rayuan ini bagi pihak tertuduh) untuk membolehkan Periyasamy memberi keterangan tanpa hadir ke mahkamah. Pembacaan mahkamah ini ke atas nota keterangan mendapati adalah tidak diketahui hakim bicara menerima masuk eks. P92 di bawah peruntukan undang-undang yang mana.

[59] Apapun, kedudukan undang-undang adalah jelas. Kepalsuan pembelaan tidak bermakna mahkamah boleh terus menolak pembelaan yang diketengahkan oleh tertuduh. Mahkamah perlu mengambil langkah seterusnya, iaitu dengan menimbang sama ada pembelaan yang dikemukakan itu berupaya mendatangkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Mahkamah Agung di dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v. Public Prosecutor* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311; [1991] 3 MLJ 169 melalui penghakiman Mohd Azmi HMA memutuskan seperti berikut:

> It is a well-established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essential ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which

A from the defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s. 173(f) or s. 180 of the Criminal Procedure Code, the court must be satisfied that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his
B conviction (*Munusamy v. PP* [1987] 1 MLJ 492). If defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt.

To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the
C accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate cases it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question, that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does
D it nevertheless raise a reasonable doubt as to his guilt? It is for this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straightaway the legally established 'reasonable doubt' test, rather than to delve in the 'believable and convincing' test before applying the 'reasonable doubt' test.

E **[60]** Hakim bicara telah memutuskan bahawa ketidakjujuran tertuduh di dalam mengemukakan keterangan bagi menyokong pembelaan menunjukkan kepalsuan pembelaan. Oleh itu, pembelaan tertuduh diputuskan tidak berupaya mendatangkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Pada hemat mahkamah ini, hakim bicara telah terkhilaf di dalam memutuskan
F sedemikian. Sekalipun pembelaan seseorang tertuduh tidak benar dan palsu, undang-undang mengkehendaki hakim bicara menimbang seterusnya sama ada pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh itu berjaya mendatangkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Jika jawapannya adalah "ya", tertuduh berhak kepada perintah pelepasan dan pembebasan. Pembacaan ke atas alasan penghakiman hakim bicara menunjukkan bahawa
G hakim bicara telah mematuhi panduan yang digariskan oleh kes *Mohamad Radhi Yaakob v. Public Prosecutor (supra)*. Sekali lagi, hakim bicara telah melakukan salah arahan melalui tiada arah diri.

[61] Adalah menjadi prinsip undang-udang yang mantap bahawa
H mahkamah yang mendengar rayuan tidak dengan mudah akan mengubah dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara melainkan terdapat sebab wajar untuk berbuat demikian. Mahkamah ini merujuk kepada penghakiman kes *Herchun Singh & Ors. v. Public Prosecutor* [1969] 1 LNS 52; [1969] 1 MLRA 382 (FC) seperti berikut:

I

> An Appellate Court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at the Judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding: see *Sheo Swarup v. King Emperor* AIR [1934] PC 22.

[62] Di dalam kes *Public Prosecutor v. Muhammad Nasriq Abdullah* [2015] 1 LNS 393; [2015] MLRHU 322, [2014] 3 MLJ 380 diputuskan seperti berikut:

> Ianya juga adalah undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mencampuri keputusan mahkamah rendah terhadap penemuan sebarang fakta kecuali penemuan fakta tersebut adalah salah (sila rujuk kepada kes: *Gobinath Reddy a/l Gopal v. Public Prosecutor* [2014] 5 CLJ 275; [2014] 1 MLJ 446 dimana kemudiannya diikuti dalam kes: *Reza Malek Zadeh Sahabali v. Public Prosecutor* [2014] 1 LNS 1873; [2012] MLRHU 1815, [2014] 3 MLJ 380) yang memutuskan sebagaimana berikut:
>
> > The present appeal is substantially factual. The learned judge has considered and evaluated the evidence before him and found hat the defence has failed to raise a reasonable doubt in the prosecution case. We find no errror that warrants appellate intervention. **In any case, an appellate court should be slow in interfering with the trial judge's findings of fact.** On the totality of the evidence we are of the view that there is sufficient evidence to support the findings of the learned judge that the appellant is guilty as charged. (penekanan ditambah)

Kesimpulan Dan Penutup

[63] Memandangkan hakim bicara telah melakukan salah arahan-salah arahan seperti yang diperikan sebelum daripada ini, sabitan salah yang dibuat ke atas tertuduh adalah tidak selamat. Adalah amat wajar untuk mahkamah ini campur tangan dan mengakaskan keputusan hakim bicara. Tertuduh dengan ini dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. Keputusan hakim bicara mengarahkan tertuduh membayar kos pendakwaan juga diketepikan. Sekiranya, kos tersebut telah dibayar, wang RM1,500 hendaklah dikembalikan kepada tertuduh.

Rayuan Pendakwa Raya Terhadap Hukuman

[64] Di dalam keadaan mahkamah ini telah membenarkan rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukuman, maka rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman sudah menjadi akademik. Lantaran itu, rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman ditolak.

[65] Kini, Pendakwa Raya yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini merayu ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap perintah pelepasan dan pembebasan tertuduh.